


28/KLIA/2025



AGENCI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

VISA PALSU: SATU KELUARGA AFGHAN DILARANG MASUK MALAYSIA

SEPANG, 29 Julai 2025 – Cubaan empat (4) individu warganegara Afghanistan, dipercayai satu keluarga, untuk memasuki Malaysia menggunakan visa palsu telah digagalkan oleh AKPS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Mereka ini merupakan antara 132 warga asing yang diperiksa dalam operasi pemantauan dan saringan dokumen di KLIA yang dijalankan oleh Unit Pemantau KLIA Terminal 1.

Empat individu, terdiri daripada seorang lelaki dan tiga wanita dewasa, telah dikesan berlegar-legar tanpa hala tuju di kawasan terminal KLIA juga mencetuskan kecurigaan Pasukan Unit Pemantau. Siasatan awal mendapati kesemua individu tersebut tiba di Malaysia pada 24 Julai 2025, jam 9.20 malam, menerusi penerbangan EK342 yang dikendalikan oleh Emirates Airlines.

Hasil soal siasat lanjut mendedahkan bahawa kesemua individu terbabit merupakan penumpang basi, iaitu penumpang yang telah tiba di negara ini tetapi gagal melaporkan diri di kaunter pemeriksaan imigresen dalam tempoh masa yang ditetapkan. Difahamkan, mereka telah berada di kawasan terminal selama empat hari tanpa melalui proses pemeriksaan imigresen seperti yang sepatutnya.

Hasil semakan ke atas dokumen perjalanan mendapati kesemua visa milik mereka adalah palsu. Dalam siasatan lanjut, kesemua mereka mengaku tidak pernah menjejakkan kaki ke Uzbekistan yang kononnya sebagai transit, visa palsu tersebut diperolehi melalui seorang agen dengan bayaran sebanyak USD6,000 (RM25,386.00).

Pihak AKPS telah mengambil tindakan menolak kemasukan (NTL - Not To Land) ke atas keempat-empat individu berkenaan dan akan dihantar balik ke negara asal pada 30 Julai 2025 melalui penerbangan Emirates Airlines.

Insiden ini sekali lagi membuktikan komitmen berterusan AKPS dalam mengekang kemasukan warga asing melalui modus operandi pemalsuan visa ke negara ini.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/file/d/17hThKYGwdOORs26l8YuPDX730BGdTNBi/view?usp=share_link

TAMAT

29 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI